

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SINONIM DALAM BAHASA MELAYU



Profesor Madya Dr Indirawati Zahid
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

❖ Abstrak ❖

Guru berkualiti akan dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif, menyeronokkan dan menarik. PdP yang efektif, menyeronokkan dan menarik akan dapat merangsang minat murid/pelajar. Dalam proses PdP tidak ada satu kaedah yang mutlak yang dapat diaplikasi sebaliknya guru perlu kreatif dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), iaitu menggunakan pelbagai Bahan Bantu Belajar (BBB). Guru digalakkan menggunakan kaedah gabung jalin dalam PdP bagi mengelakkan atau sekurang-kurangnya meminimumkan kebosanan dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan tentang tajuk sinonim dan cadangan PdP yang boleh dilakukan sebagai satu sampel. PdP yang dicadangkan merupakan gabung jalin kaedah syarahan dan aktiviti dalam kelas. Sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat, akses ke kamus dalam talian, iaitu Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dicadangkan. Walau bagaimanapun guru juga boleh menggunakan *Kamus Dewan* (KD) salinan keras sekiranya lebih selesa dan dirasakan sesuai untuk para murid/pelajar. Aktiviti dalam kelas sepatutnya melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Dipaparkan juga contoh borang RPH yang diguna pakai oleh para guru.

Kata kunci: Guru berkualiti; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Bahan Bantu Belajar (BBB); Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Sinonim

PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu proses yang tidak mudah untuk dilakukan. Menurut Slavin (1996) kejayaan proses PdP bergantung kepada empat perkara yang berkaitan dengan guru, iaitu guru yang terlatih (kelayakan), fokus (tumpuan), bersemangat tinggi (rasa keterujaan) dan sentiasa cergas (aktif dan bertenaga) yang kesemua ini akan mempengaruhi pencapaian para pelajar tanpa mengira jantina, latar belakang sosioekonomi dan kumpulan etnik. Pernyataan Slavin ini selari dengan Alis (2016) dalam bukunya *Profesion Perguruan Peranan Etika Kerja dalam Mendisiplinkan Pelajar* tentang sikap guru yang akan mempengaruhi para pelajarnya semasa proses PdP, iaitu guru perlu mengelakkan sikap yang negatif antaranya suka berleter, memberi kerja rumah yang banyak (tidak berpada), mengeluarkan kata-kata kesat dan kasar, tindakan memberikan hukuman fizikal, kaedah pengajaran yang membosankan dan sebagainya. Sikap yang negatif seperti ini akan menjejaskan proses PdP yang berlangsung. Perkara yang sama diakui dalam kajian yang dilakukan oleh Rohani, Hazri & Nordin (2010) tentang guru berkualiti, iaitu dapatan korelasi yang positif di antara guru berkualiti dan komitmen pelajar apabila guru melakukan proses penyampaian yang lebih efektif, menarik, menyeronokkan dalam PdP yang kesannya akan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar. Menurut mereka lagi, guru yang mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar di dalam bilik darjah mampu membantu pelajar untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam proses PdP.

Sehubungan itu bagaimana yang dikatakan sebagai guru yang berkualiti? Guru berkualiti ialah guru yang mampu melakukan dua tugasnya dalam mendidik, iaitu pertama, melakukan proses pemindahan ilmu dan kemahiran; dan keduanya, memastikan perubahan tingkah laku para pelajar yang berapa pun bilangan pelajarnya, guru berkualiti akan dapat melakukan proses PdP yang berkesan (Muhammad Suhaimi et.al (2014). Menurut Muhammad Suhaimi et.al lagi, melahirkan guru yang berkualiti bukan merupakan perkara yang mudah dan tidak berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Ini kerana proses membentuk kualiti guru sebenarnya bermula daripada pemilihan bakal guru pelatih yang kemudiannya diikuti dengan proses latihan keguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG, nama institusi melatih guru di Malaysia).

PdP yang berkesan bersifat subjektif dan relatif. Setiap guru mempunyai kaedah/teknik/pendekatan/strategi (apapun nama yang

dirujuk) PdP yang tersendiri. Kesemua ini berhubungan dengan tahap pencapaian pelajar, jumlah, suasana kelas dan sebagainya yang secara tidak langsung akan mempengaruhi proses PdP. Pernyataan ini sekali gus membenarkan pernyataan bahawa tiada satu kaedah/teknik/pendekatab/strategi PdP untuk semua situasi. Malah terdapat kajian yang telah dilakukan oleh Hackathorna et.al (2011) yang membincangkan tentang keberkesanan empat teknik PdP, iaitu syarahan, demonstrasi, diskusi dan aktiviti dalam kelas. Kajian Hackathorna et.al mendapati bahawa setiap satu teknik mempunyai keunikan manfaat tersendiri dan berkesan untuk pelbagai aras pembelajaran. Dapatan kajian ini juga memperlihatkan bahawa teknik PdP yang aktif meningkatkan proses pembelajaran manakala teknik syarahan memperlihatkan hal yang sebaliknya. Kesemua pernyataan ini mengesahkan bahawa tugas seorang guru itu amat mencabar dan tidak mudah untuk dilakukan. Sebagai insan biasa yang mempunyai kekurangan, guru ada kalanya gagal dalam misi PdP mereka.

Sesuai dengan perbincangan sebelum ini, iaitu tidak ada satu kaedah yang didapati tepat untuk semua situasi PdP, makalah ini akan membincangkan kaedah PdP yang mengkombinasikan syarahan dan aktiviti dalam kelas. Syarahan dianggap perlu dalam PdP pada tempoh beberapa minit yang awal (bergantung kepada kemampuan pelajar) bertujuan memberi pengenalan kepada tajuk yang akan diajarkan. Menurut Hackathorna et.al (2011) syarahan merujuk kepada pengenalan definisi, contoh dan maklumat sokongan manakala aktiviti dalam kelas merujuk kepada aktiviti penglibatan para pelajar sama ada bekerja secara berkumpulan ataupun individu bagi penyelesaian masalah.

SINONIM DALAM BAHASA MELAYU

Kata sama makna atau kata sama erti, mana-mana satu frasa ini digunakan dalam proses PdP. Sementara istilah bidang ilmu bagi frasa ini ialah sinonim. Istilah sinonim tidak digunakan oleh para guru kepada para murid Tahun 1 - 6 (darjah 1 - 6 sekolah rendah) dan kemungkinan hal yang sama juga berlaku dalam konteks sekolah menengah. Justifikasi kepada kasus ini adalah kerana guru wajib memudahkan proses PdP tanpa begitu ghairah menggunakan istilah bidang ilmu (dalam konteks ini, istilah linguistik) pada tempat yang tidak sepatutnya, iaitu di dalam bilik darjah. Seandainya istilah linguistik ini digunakan, dikhuatiri para murid/pelajar akan terasa tajuk yang diajarkan tersebut agak sukar untuk diingati dan disebut kerana istilah

ini merupakan padanan istilah linguistik dalam bahasa Inggeris, iaitu *synonym*. Selain sukar untuk diingati dan disebut, aras pembelajaran juga sudah tidak sama kerana istilah ilmu seperti ini digunakan di peringkat PdP ijazah dasar dan ijazah tinggi.

Sinonim didefinisikan sebagai makna kata yang sama daripada pelbagai kata yang berbeza. Kata yang digolongkan sebagai kata yang sama makna ini dari aspek linguistik dirujuk sebagai berkongsi komponen makna bersama, iaitu makna teras yang dirujuk. Misalnya kata “ibu” dan “emak”, kedua-dua kata ini digolongkan sebagai kata yang sama makna kerana berkongsi komponen semantik bersama¹, iaitu [+perempuan +isteri +melahirkan]. Komponen semantik bersama ini bermaksud “ibu” dan “emak” merujuk kepada jantina perempuan, perempuan dilabelkan sebagai isteri apabila sudah berkahwin dan secara biologi dan fisiologinya boleh melahirkan anak. Walau bagaimanapun perlu dinyatakan, apabila membincangkan tentang kata yang sama makna, berlakunya kasus tidak adanya kata sinonim seratus peratus dalam semua bahasa di dunia ini. Pernyataan ini bermaksud kata yang sama makna tersebut memiliki ciri atau fitur distingtif makna tertentu yang menjadikan setiap satu kata yang digolongkan sebagai kata yang sama makna tersebut berbeza di antara satu sama lain. Kata “ibu” dan “emak” memiliki fitur distingtif [+objek] seperti yang dapat dilihat dalam contoh ayat yang berikut:

Itu **ibu** saya. ✓
Itu **emak** saya. ✓

Tetapi tidak berlaku dalam situasi yang sama seperti dalam ayat yang berikut:

Itu **ibu pejabat** saya. ✓
Itu **emak pejabat** saya. ✗

Frasa “emak pejabat” didapati salah dari aspek nahu bahasa Melayu kerana faktor kolokasi². Kolokasi bermaksud hubungan antara kata-kata yang sering atau lazim digunakan secara bersama (Brown & Miller: 2013) dan penggunaan secara bersama-sama ini mematuhi sistem dan struktur nahu dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, frasa “emak pejabat” ternyata tidak diterima strukturnya. Dalam konteks ini kata “emak” tidak membenarkan fitur makna [+objek]

¹ Tanda “+” bermaksud memiliki manakala tanda “-” bermaksud tidak memiliki

² Guru perlu gunakan cara yang mudah dalam menerangkan kolokasi, iaitu kata digunakan secara bersama-sama.

digunakan secara bersama-sama. Fitur distingtif (pembeza)³ yang wujud ini membezakan kata “ibu” dan “emak” seperti yang berikut:

ibu [+perempuan +isteri +melahirkan **+objek (bangunan)**]
emak [+perempuan +isteri +melahirkan **- objek (bangunan)**]

Faktor kolokasi ini merupakan antara faktor yang menyebabkan tidak ada kata yang sama makna secara seratus peratus. Perbincangan lanjut tentang aspek ini akan diberikan pada bahagian yang berikutnya.

Dalam sistem pendidikan hari ini, para murid/pelajar perlu didedahkan pada ilmu yang sesuai dengan tahap kognitif dan pembelajaran mereka, iaitu guru perlu menggunakan kaedah PdP yang sesuai bagi tujuan pemahaman yang maksimum. Sehubungan itu dalam PdP, contoh yang mudah perlu diberikan sesuai dengan kemampuan murid/pelajar berfikir. Sebaik-baiknya guru menggunakan contoh yang ada di persekitaran murid/pelajar, iaitu kata yang diketahui dan aktif digunakan dalam kalangan murid/pelajar semasa proses PdP.

TESAURUS: SUMBER RUJUKAN SINONIM

Persoalan yang sering timbul, di mana kata yang sama makna dapat dirujuk? Jawapan kepada persoalan ini tentu sekali kamus sinonim yang berada di pasaran. Ini merupakan jawapan lazim yang diberikan oleh para guru. Jawapan ini tentulah tidak salah tetapi yang merisaukan adalah kesahan maklumat yang diberikan dalam kamus sinonim tersebut. Sehubungan itu dalam kasus ini sebaiknya para guru dan murid/pelajar merujuk kepada penerbitan badan berkanun yang dipertanggungjawabkan dalam perihal bahasa, sekiranya di Malaysia, badan berkanun yang dirujuk ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). DBP merupakan sebuah badan berkanun yang diberikan mandat dalam mengawal selia bahasa Melayu dan banyak menerbitkan buku yang menjadi sumber rujukan dalam bidang ilmu.

Dalam kasus mencari kata yang sama makna, tesaurus perlu dirujuk. DBP ada menerbitkan tesaurus yang dinamakan *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*⁴ (2015, TBMD). Menurut catatan di bahagian belakang tesaurus (*blurb*), TBMD menyenaraikan setiap entri⁵ dan


³ Fitur pembeza ini ditebalkan huruf penulisannya.

⁴ Pengguna perlu membaca halaman hadapan bagi memahami cara menggunakan TBMD.

⁵ Kata atau ungkapan utama dalam kamus yang disusun mengikut urutan abjad.

subentri⁶ yang dilengkapi dengan pilihan sinonim dan kata-kata yang berkaitan, dengan lebih tersusun dan jelas berdasarkan pecahan makna dan kolokasi. TBMB juga dilengkapi dengan kelas kata dan label geografi. TMBD ini juga disertai dengan kata antonim⁷ bagi kata yang berpolisemi yang secara langsung berfungsi membezakan makna sesuatu entri secara jelas. Berdasarkan maklumat ini, para guru dan murid/pelajar bukan sahaja dapat memanfaatkan TBMD untuk carian kata sinonim malahan akan dapat melihat perbezaan makna yang dirujuk, kelas kata dan dialek. Lihat paparan lmej 1 TBMD bagi cari kata “ibu”.

lmej 1: Carian Kata “Ibu” TBMD



Adakah memadai dengan TBMD? Perlu dinyatakan bahawa TBMD hanya menyenaraikan entri dan subentri kata sinonim, kelas kata, label geografi dan antonim bagi kata yang berpolisemi tetapi tidak takrifan. Sehubungan itu para guru dan murid/pelajar masih perlu merujuk kamus bagi mendapatkan takrifan yang dirujuk oleh sesuatu kata dan bagaimana sesuatu kata itu digunakan dalam konteks bahasa Melayu. Sungguhpun seseorang guru atau murid/pelajar itu merupakan penutur natif bahasa Melayu, ini tidak bererti seseorang itu telah mempunyai pengetahuan secara menyeluruh tentang kosa kata bahasa Melayu. Kamus masih perlu dirujuk dari semasa ke semasa kerana kata yang aktif dan bersifat kontemporari sememangnya diketahui dan diingati tetapi bagi kata yang pasif sebaliknya pula. Kata “jerayawara”, “rencam”, “cakna”, “peterana”, “kepiting”, “kelinci”, “kutubkhanah” misalnya tidak kesemuanya diketahui dan difahami takrifan yang dirujuk oleh penutur natif bahasa Melayu. Situasi seperti inilah yang menyebabkan guru, murid/pelajar, penutur dan pengguna bahasa perlu memiliki sebuah kamus. Kamus menyediakan entri dan subentri dengan takrifan setiap satunya. Malah kamus juga menyediakan contoh entri dan subentri dalam konteks linguistiknya.

⁶ Entri kamus yang merupakan turunan daripada entri utama.

⁷ Kata bertentangan makna/ kata yang berlawanan makna.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, KD) menjadi rujukan utama bagi mendapatkan takrifan kata yang dirujuk. Sama halnya seperti pengguna TBMD, pengguna KD juga perlu membaca halaman hadapan KD bagi memahami cara menggunakan KD dengan betul sebagai sumber rujukan. Sementara itu kecanggihan teknologi semasa kini telah memudahkan pengguna mendapatkan maklumat kata, iaitu takrifan, kata sinonim dan sebagainya dalam talian. DBP kini menyediakan perkhidmatan carian Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)⁸ yang menyediakan fungsi yang sama sebagaimana kamus dan tesaurus. Lihat syot layar 1 PRPM bagi carian kata “ibu”. Paparan ini memaparkan halaman 1⁹ PRPM bagi carian kata ini.

Syot Layar 1: Carian “Ibu” Halaman Pertama PRPM

Contoh penggunaan dalam konteks pelbagai

Jenis-jenis kamus dan glosari

Kata sama makna, antonim, kiasan dan kata terbitan.

Juga ditemui dalam : [Panduan](#) ; [Perkhidmatan](#) ; [Artikel](#) ; [Karyawan](#) ; [Puisi](#) ; [Ensiklopedia](#) ; [Buku](#) ; [Khidmat Nasihat](#) ; [Peribahasa](#) ; [Multimedia](#) ; [Jurnal](#) ; [Universiti Awam](#) ; [Kerajaan Malaysia](#) ; [Novel](#) ; [Dialek](#) ; [Majalah](#) ; [Pantun](#) ; **Maklumat Tambahan Dalam :** [Korpus](#) ; [e-Tesis](#) ; [e-Jurnal](#) ;

Kamus Bahasa Melayu	Kamus Bahasa Ingeris	Istilah MABBIM	Istilah Bahasa Melayu	Bahasa Sukuan v1.0
Bahasa Sukuan v2.0	Glosari Leksikal Bahasa Sukuan	Kamus Melayu Parsi	Kamus Sains	
Kamus Teknologi Maklumat	Kamus Thai Melayu Dewan	Daftar Rumi-Jawi(Beta)	Kamus Parsi(Beta)	
Kamus Thai(Beta)	Glosari Sains Untuk Sekolah	Glosari Matematik Untuk Sekolah	Bahasa Sukuan Bajau	
Bahasa Daerah				

Kata	Takrif	Sumber
pada ill	sama-sama, ramai-ramai (melakukan sesuatu): ibu-ibu itu - duduk mengobrol; mereka - berebut minta makanan; burung-burung sudah - resah menunggu.	Kamus Dewan Edisi Keempat
pantangan	sesuatu yg dilarang melakukannya (menurut adat atau kepercayaan), larangan: bagi ibu-ibu yg sihat tiadalah apa-apa - atau larangan yg dikenakan tentang apa-apa makanan; - di hutan (di laut) sesuatu yg tidak boleh disebut atau dibuat sewaktu di hutan (di laut);	Kamus Dewan Edisi Keempat

Tesaurus

ibu (kata nama)

- Bersinonim dengan emak: *bonda, ibu suri, ibunda, umi, mak, encik, mama, mami, induk, indung, ina, ibung, uai, embok, bok, indu, mandeh ibu tiri, emak tiri, ibu angkat, emak angkat, Berantonim dengan bapa*
- Dalam konteks kiasan bersinonim dengan *induk, inti, pokok,*

Kata Terbitan : *keibuan,*

Puisi

⁸ Dalam talian, alamat url <http://prpmv1.dbp.gov.my>

⁹ Paparan sebahagian sahaja kerana halaman ini terlalu panjang.

Dapat dilihat carian kata “ibu” telah dilakukan. Paparan PRPM memperlihatkan penggunaan kata ibu dalam konteks linguistik yang pelbagai. Paparan ini kelihatan tidak membantu pengguna mendapatkan takrifan kata “ibu” secara langsung, walau bagaimanapun pada bahagian sebelah kanan ada dipaparkan maklumat tesaurus, iaitu kata yang sama makna. Dalam konteks carian takrifan kata, para murid/pelajar dan pengguna perlu mencari maklumat yang dikehendaki pada halaman ke-2 dan seterusnya sekiranya maklumat yang dikehendaki tidak ditemui. Lihat syot layar 2 carian kata “ibu” yang berikut:

Syot Layar 2: Carian “Ibu” Halaman ke-3

ibu	<p>1 orang yg melahirkan kita; emak: ~ mana yg tak sayang akan anaknya. 2 panggilan yg lebih hormat utk wanita (terutamanya yg sudah bersuami atau yg telah berumur). 3 bahagian yg terbesar atau terpenting pd sesuatu; pusat: ~ pejabat; rumah ~. ~ ayam perempuan yg memperdagangkan pelacur. ~ bapa orang tua (yakni emak dan ayah). ~ jari, = ~ tangan jari tangan yg terbesar dan pendek. ~ kaki jari kaki yg terbesar. ~ kandung emak benar. ~ kota (negara, negeri) kota yg menjadi pusat pemerintahan sesebuah negara. ~ mentua ibu kpd isteri atau suami. ~ Mithali a. gelaran utk ibu yg dpt mendidik anak-anaknya sehingga berjaya (dr segi akademik, moral, agama dsb). b. wanita yg menerima gelaran ibu Mithali. ~ pertiwi tanah tempat tumpah darah; negeri sendiri. ~ roti ragi yg digunakan utk menaikkan adonan roti. ~ saudara adik perempuan atau kakak kpd ibu (bapa) kita. ~ sawat (telekom) pusat suis yg merangkaikan atau menghubungkan talian-talian telefon. ~ susu ibu yg menyusui kanak-kanak yg bukan anaknya. ~ tiri isteri bapa yg bukan ibu sendiri. ~ tunggal wanita bergelar ibu yg membesarkan serta mendidik anaknya seorang diri tanpa kehadiran suami kerana perceraian, kematian dsb. beribu ada ibunya; menganggap sbg ibu: Hasan sudah tidak ~ lagi. beribukan mempunyai sbg ibu: Anak ayam itu ~ itik. keibuan sifat-sifat sejati seorang ibu (lemah lembut, pengasih dsb): Sifatnya yg ~ itu telah menambat hati anak muridnya.</p>	Kamus Pelajar Edisi Kedua
yatim	<p>1. anak yg kematian ibu atau bapanya; 2. = ~ piatu anak yg kematian kedua-dua ibu bapanya; keyatiman keadaan yatim (kematian ibu atau bapa).</p>	Kamus Dewan Edisi Keempat
mak i	<p>1. singkatan bagi emak; sudah boleh jadi ~ budak sudah cukup besar dan dewasa utk menjadi seorang ibu; 2. panggilan atau sebutan utk orang perempuan yg lebih tua (yg ada hubungan kekeluargaan atau yg kerana umurnya patut dipanggil ibu): ~ andam a) perempuan yg mengandam (memepat serta mencukur rambut di dahi) pengantin perempuan; b) perempuan yg kerjanya menghias pengantin perempuan; ~ ang-kat = ~ pungut ld perempuan yg mengambil serta memelihara anak orang spt memelihara anaknya sendiri, ibu angkat; ~ bonda perempuan tua yg berlagak spt orang muda; ~ bongsu (cu, su, usu) adik perempuan kpd ibu atau kpd bapa yg bongsu; ~ buyung a) perempuan yg suka bercerita (terutama kpd kanak-kanak); b) sebutan kpd perempuan hamil; c) barua, muncikari, jaruman, pinang muda; ~ cik (kecil) a) mak muda, bibi; b) panggilan kpd perempuan (yg bukan berkeluarga dgn kita) yg sudah separuh umur; ~ kopek (tetek) inang pengasuh; ~ labu perempuan yg sedang mengandung; ~ long emak saudara yg sulung; ~ mek kd isteri; ~ mentua ibu kpd isteri atau suami; ~ muda (da, uda) a) adik perempuan ibu atau bapa, mak kecil; b) isteri yg muda; ~ nam singkatan dr sebutan mak andam; ~ ngah (tengah) saudara perempuan ibu atau bapa yg tengah; ~ nyah bp panggilan kpd golongan pondan; ~ saudara saudara perempuan ibu atau bapa; ~ tiri ibu tiri; ~ tua (wa) a) saudara perempuan ibu atau bapa yg lebih tua; b) isteri bapa yg tua; emak.</p>	Kamus Dewan Edisi Keempat
besan	<p>/bésan/ 1 hubungan kekeluargaan yg terjalin antara ibu serta bapa mentua seseorang dgn ibu bapa sendiri: Pak Mat dgn Pak Ali itu bukan adik-beradik tetapi ~. 2 ibu bapa kpd menantu. berbesan berhubungan sbg besan: Tak mungkin dia mahu ~ dgn saya kerana saya orang hina lagi miskin.</p>	Kamus Pelajar Edisi Kedua

< Sebelum 1 2 **3** 4 5 6 7 8 9 10 Selepas >

Halaman 3

Carian takrifan kata “ibu” hanya ditemui pada halaman ke-3 PRPM.

Penggunaan PRPM memperlihatkan kemudahan dari aspek semua maklumat yang dikehendaki berada di hujung jari apabila teknologi maklumat dan rangkaian internet berfungsi dengan baik dan dimanfaatkan. Sejauh mana cepat dan lambatnya sesuatu akses maklumat tersebut bergantung kepada kelajuan capaian yang dimiliki. Namun demikian kekangan yang mungkin wujud adalah maklumat yang dicari tidak secara langsung diperolehi. Pengguna perlu tatal (*scroll*) ke bawah bagi meneruskan pencarian kata dan sekiranya tidak ditemui, tindakan beralih halaman perlu dilakukan sehingga maklumat yang dicari ditemui. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kaedah ini mungkin kurang digemari oleh sesetengah murid/pelajar dan pengguna.

Penggunaan KD salinan keras (*hardcopy*) mungkin lebih mudah kepada sesetengah murid/pelajar dan pengguna kerana carian kata “ibu” akan secara langsung diperolehi maklumatnya. Kekangan yang wujud hanya dari aspek saiz KD, iaitu tebal dan agak berat untuk sentiasa dikendong bersama ke mana-mana baik oleh guru dan murid/pelajar. Sehubungan itu, alternatif yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah adalah meletakkan berapa salinan keras KD di perpustakaan atau pusat sumber sekolah. Lihat imej 2 yang memaparkan carian kata “ibu”.

Imej 2: Carian Kata “ibu” KD

ibu I 1. orang yg melahirkan kita, emak: *tiap-tiap bulan, dia mengirim wang kpd ~nya di kampung*; 2. panggilan hormat terhadap wanita yg telah berumur atau wanita yg ber-suami: *kaum ~ dipersilakan duduk di hadapan*; 3. bahagian yg besar (induk, utama, pusat, dll) drpd sesuatu (spt pejabat dll); *rumah ~ bahagian yg besar atau bahagian tengah sesebuah rumah*; 4. ki inti: *surah al-Fatihah sbg ~ kpd al-Quran*;
~ *afrit* ketua dlm satu kumpulan budak-budak nakal; ~ *ayam* perempuan yg memperdagangkan pelacur; ~ *haruan* orang yg suka mengusik atau menyakat orang lain (biasanya kanak-kanak); ~ *jari* = ~ *tangan* jari yg besar antara jari-jari tangan; ~ *kaki* jari yg besar antara jari-jari kaki; ~ *kandung* ibu yg sebenar; ~ *keladi* orang tua yg masih berkelakuan spt orang muda-muda; ~ *kelung*

Persoalan timbul, yang mana lebih mudah bagi para guru dan murid/pelajar? Jawapan untuk persoalan ini bergantung kepada keselesaan sendiri. Tidak ada ketetapan yang tertentu sebaliknya pilihlah kaedah yang mudah pada tanggapan sendiri, iaitu sama ada salinan keras KD atau PRPM dalam talian.

SINONIM SERATUS PERATUS DALAM BAHASA MELAYU?

Jawapan kepada persoalan ini ialah tidak ada kata yang sinonim seratus peratus. Walau bagaimanapun persoalan mungkin masih lagi berbangkit apabila murid/pelajar bertanya, bagaimana dengan kata “abah”, “ayah”, “abi”, “papa” dan sebagainya? Tidakkah ini contoh sinonim? Jawabannya, iya, betul tetapi untuk kasus yang sedemikian tidak banyak yang berlaku dalam bahasa di dunia ini, sebaliknya yang lebih banyak kewujudannya adalah yang tidak sinonim seratus peratus. Dapatan jumlah yang besar akan kata yang tidak sinonim seratus peratus ini menetapkan keputusan ahli bahasa bahawa kewujudan kata yang sinonim seratus peratus tidak ada!

Terdapat lima faktor yang menyebabkan tidak ada kata yang sinonim seratus peratus sebagaimana yang dihuraikan oleh Palmer (1992) dalam bukunya yang bertajuk *Semantic*. Lima faktor yang tersebut adalah seperti yang berikut dengan contoh dalam bahasa Melayu diberikan bagi tujuan memudahkan pemahaman.

1. Sesetengah kata yang dikatakan bersinonim itu datang dari dialek yang berlainan. Misalnya nama buah “tembikai” (digunakan oleh orang Kuala Lumpur dan beberapa negeri lain di Malaysia) manakala bagi orang Johor dan Singapura, kata “semangka” digunakan; buah “pelam/mangga”, digunakan dalam bahasa Melayu standard dan beberapa dialek bahasa Melayu bagaimanapun kata “pauh” digunakan dalam dialek utara Semenanjung Malaysia dan Pantai Timur); kata ganti nama diri “awak” (dalam bahasa Melayu standard dan beberapa dialek bahasa Melayu yang lain) sementara dalam dialek Kedah kata “hang” digunakan; kata “panjat” (dalam bahasa Melayu standard dan beberapa dialek bahasa Melayu yang lain) manakala dalam dialek Kedah kata “kerabat” digunakan; sayuran “labu air” (dalam bahasa Melayu standard dan beberapa dialek bahasa Melayu yang lain) manakala di Sarawak kata “lembu” digunakan; kata kapal terbang (dalam bahasa Melayu standard dan beberapa dialek bahasa Melayu yang lain) sementara di Sarawak kata “belon” digunakan.

2. Dalam keadaan yang hampir serupa, kata yang lebih sesuai dipilih. Misalnya kata “pensyarah/guru”. Dalam kasus ini, kata “pensyarah” digunakan di institusi pengajian tinggi, kata “guru” digunakan di sekolah-sekolah”. Kedua-dua kata ini sinonim tetapi lokasi menjadi penentu kepada penggunaan kata ini yang menyebabkan kedua-dua kata ini tidak bertukar ganti secara bebas. Hal yang sama berlaku pada kata gantinama diri “saya/aku/hamba/patik/beta” yang juga merujuk kepada individu yang sama, iaitu diri orang gantinama diri pertama tetapi dalam hal ini status sosial dan aras hubungan membezakan penggunaannya. Kata “minta/mohon” kedua-duanya dibezakan berdasarkan aras kesantunan dan keformalan. Kata “mohon” lebih santun dan formal berbanding kata “minta”. Kata “mahasiswa/pelajar/murid” ketiga-tiga kata ini merujuk kepada makna yang sama, iaitu individu yang sedang menuntut ilmu tetapi berada pada tahap pendidikan yang berbeza dengan taraf kelulusan yang tertentu.
3. Sesetengah kata mempunyai makna emotif. Ini bermaksud kata tersebut mempunyai nilai tertentu. Kata “biduan/biduanita” hanya diberikan kepada penyanyi yang telah banyak menyumbang jasa kepada negara dalam bidang seni, mempunyai pengalaman yang luas serta lama dalam industri dan diiktiraf oleh negara. Ini merupakan antara ciri-ciri nilai pada kedua-dua kata ini. Ini bererti kedua-dua kata ini mempunyai nilai yang tersendiri, iaitu pengiktirafan yang tidak diberikan kepada individu yang baharu sahaja menjadi penyanyi atau baharu sahaja merakamkan satu album lagu dan sebagainya. Hal yang sama bagi kata “seniman/seniwati”, sekiranya seseorang individu dalam industri seni itu baharu sahaja berlakon dalam satu filem waima filem tersebut mencatat keuntungan yang luar biasa dan telah menjadikan individu tersebut terkenal, kedua-dua kata ini masih belum layak diberikan kepada individu yang berkenaan. Begitu juga bagi kata “meninggal dunia/mampus”, kedua-dua kata ini merujuk kepada keadaan tidak bernyawa lagi. Apa yang membezakan kedua-dua kata ini adalah emosi orang yang menggunakannya. Kata “meninggal dunia”, beremosi neutral tetapi sebaliknya bagi kata “mampus”.
4. Sesetengah kata adalah terbatas menurut kolokasi, iaitu kata yang berhubungan dengan hanya kata-kata tertentu. Dengan kata lain seperti yang dinyatakan pada perbincangan sebelum ini, kolokasi merujuk kepada kata yang lazim digunakan

secara bersama-sama dan mematuhi nahu bahasa Melayu. Bagi merujuk kepada keadaan susu yang telah rosak dan tidak lagi boleh diminum, kata yang berkolokasi dengan susu ialah “masam” bagi membentuk gandingan kata “susu masam” dan bukan “susu basi” atau “susu rosak” atau “susu tamat tempoh”; keadaan roti yang sudah rosak, iaitu tidak boleh dimakan lagi, gandingan kata yang berkolokasi ialah “roti berkulat” dan bukan “roti rosak” atau “roti tamat tempoh”. Begitu juga bagi kata wanita, kata yang dirujuk berkolokasi dengan kata wanita ialah “cantik”, “anggun”, “lawa” dan sebagainya. Tidak akan berlaku wanita dikatakan berkolokasi dengan “kacak”, “tampan” dan “gagah”. Hal yang sama kepada “lelaki”, kolokasinya ialah kata “tampan”, “kacak”, “gagah” dan “perkasa” dan tidak “lelaki cantik”, “lelaki anggun” dan “lelaki lawa”.

5. Terdapat banyak perkataan yang mempunyai takrifan yang berhampiran atau takrifan yang bertindihan¹⁰. Penyataan ini bermaksud sesuatu kata itu mempunyai takrifan yang pelbagai, iaitu satu kata itu mempunyai lebih daripada satu takrif. Dalam entri kamus, takrifan kata yang dirujuk dapat dilihat melalui deretan takrifan yang dinomborkan dengan urutan angka (dengan merujuk sistem dalam KD) yang jumlahnya bergantung kepada takrifan kata yang dirujuk oleh sesuatu entri. Contoh dalam KD bagi kata “matang”. Entri bagi kata ini menyenaraikan empat takrifan seperti yang berikut¹¹:

1. masak (buah-buahan, makanan) sudah tua (bkn daun tembakau): *buah ini sudah ~* ; 2. sudah hampir akan pecah (bkn bisul); 3. ki. mempunyai banyak pengalaman, sudah sempurna (fikirannya), menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan pemikiran: *hujah yang mantap dan ~ tentang sastera Melayu; sungguhpun ia masih muda tetapi pemikiran sudah ~; orang yg benar-benar matang ~ dlm ilmu ini*; 4. Cukup tempohnya (bkn simpanan tetap dll).

Sekiranya diteliti setiap satu deretan takrifan yang tersenarai, dapat dilihat keempat-empat takrifan tersebut berkongsi komponen makna

¹⁰ Nuansa makna menurut Abdul Chaer (2009)

¹¹ Disalin seadanya seperti dalam KD.

bersama, iaitu makna teras yang berkaitan dengan tempoh, iaitu masa yang mempunyai implikasinya. Takrifan nombor (1), berkaitan dengan objek buah-buahan serta makanan dan keadaan yang dirujuk berkaitan dengan tempoh, iaitu sudah boleh dipetik atau dimakan bagi buah-buahan atau masakan yang telah cukup masa untuk diangkat dari dapur atau diberhentikan proses memasaknya. Pengalaman penulis bersama orang Johor yang sedang memasak dan melakukan proses mengacau dodol sehingga likat, mengatakan bahawa “dodol sudah matang” apabila dodol tersebut didapati telah masak dan boleh diberhentikan proses mengacauanya manakala bagi buah-buahan pula terdapat sesetengah golongan tua yang merujuk kepada buah yang masak sebagai buah sudah tua. Perlu ditegaskan bahawa buah yang matang tidak membawa maksud yang sama dengan buah yang masak ranum.

Berbeza dengan takrifan nombor (2), kata “matang” dirujuk kepada keadaan/tahap sejenis penyakit, iaitu bisul (bengkak bernanah dan bermata pada kulit), iaitu keadaan bisul yang hampir pecah dengan warna kulit di sekitar bisul yang memerah, membengkak, menipis kulit dan mengandungi nanah yang jelas kelihatan sehingga menjadikan bisul tersebut boleh pecah pada bila-bila masa sahaja. Dalam konteks pengguna bahasa yang tidak profesional, mereka lebih cenderung menggunakan perkataan “masak” manakala bagi individu dalam bidang perubatan, mereka menggunakan kata “matang” untuk bisul yang sudah boleh dipecahkan dan dibuang kandungan nanahnya.

Sementara itu bagi takrifan nombor (3) dan nombor (4), masing-masingnya merujuk kepada kiasan dan konteks perbankan. Hanya dua takrifan ini yang aktif digunakan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, iaitu pertamanya, “matang” dengan maksud tahap pemikiran dan keduanya, “matang” dengan maksud cukup tempoh. Lihat contoh kata “matang”¹² yang berikut, yang sering ditemui dalam penggunaan bahasa Melayu. Kedua-dua takrifan ini aktif digunakan berbanding dengan takrifan no (1) dan (2).

Masyarakat termasuk pemimpin politik perlu menyelesaikan perbezaan pandangan secara **matang** seperti menganjurkan sesi berdialog atau mengadakan perbincangan dengan pihak terlibat.
(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/44984/BERITA/Nasional/>)

¹² Ditebalkan huruf penulisannya.

Orang yang **matang** berani mengakui kesilapan dan tidak takut untuk berubah.

(Sumber: <https://akuislam.com/blog/renungan/matang-mengakui-kesilapan/>)

Akaun Simpanan Tetap-i (“TD-i”) ialah produk deposit wang tunai dengan keuntungan boleh dibayar selepas **matang** untuk peletakan selama 12 bulan dan ke bawah, atau keuntungan boleh dibayar setiap bulan sehingga tarikh matang (untuk peletakan melebihi 12 bulan) dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM), Dolar Amerika Syarikat (USD), Dolar Singapura (SGD) atau Great Britain Pound (GBP). Deposit ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

(Sumber: Lembaran Maklumat Produk Akaun Simpanan Tetap-i, OCBC Al-Amin. 22 Julai 2019)

Masa **matang** merujuk kepada tarikh atau tempoh di mana bon yang dibeli oleh pelabur itu telah mencapai nilai penuhnya. Ketika tarikh tersebut, pelabur akan menerima jumlah keseluruhan pelaburan beserta faedahnya sekali.

(Sumber: <https://www.usahawan.com/kewangan/simpanan-bon-pelaburan-jangka-panjang.html/>)

Bagaimana pula yang dikatakan bahawa takrifan polisemi yang pelbagai ini kian menjauh daripada takrifan pertamanya? Lihat semula penyenaian takrifan kata “matang” yang diberikan sebelum ini. Takrifan (1) merujuk kepada sifat sesuatu objek konkrit yang secara spesifiknya merujuk kepada buah-buahan dan masakan; takrifan (2) merujuk kepada keadaan/sifat sejenis penyakit; takrifan (3) berkaitan kiasan dan bersifat abstrak yang dinilai melalui perlakuan, pemikiran dan sebagainya dan takrifan (4) berhubung dengan peraturan tetap dan digunakan dalam sistem perbankan. Dengan penghuraian ini, dapat dilihat apa yang dikatakan oleh para sarjana bahasa, bahawa makna yang berpolisemi itu semakin menjauh daripada takrifan pertamanya sememangnya tidak dapat dinafikan. Sekarang lihat contoh yang kata “ibu”. KD menyenaraikan makna kata ini seperti yang berikut:

1. orang melahirkan kita; emak: *tiap-tiap bulan, dia mengirimkan wang kpd ~ nya di kampung*; 2. panggilan hormat terhadap yg telah berumur atau wanita

yang bersuami: *kaum ~ dipersilakan duduk dihadapan*; 3. bahagian yg besar (induk, utama, pusat, dll) drpd sesuatu (spt pejabat dll); rumah ~ bahagian yg terbesar atau bahagian tengah sesebuah rumah; 4. ki inti: *surah al-Fatihah sbg ~ kpd al-Quran*;

Takrifan (1) merujuk kepada hubungan sedarah, iaitu ibu kandung; manakala takrifan (2) merujuk panggilan hormat dan juga sapaan yang biasa digunakan dalam kalangan penutur bahasa Indonesia untuk semua wanita dalam suasana formal dan juga kepada wanita yang kelihatan matang dari segi usia; takrifan (3) pula merujuk kepada struktur/reka letak bangunan, iaitu bahagian utamanya dan takrifan (4) pula merujuk kepada kiasan, iaitu bahagian terpenting dalam sesuatu. Dapatkah dilihat takrifan nombor (1) sehingga (4), takrifan nombor (4) kian menjauh daripada takrifan nombor (1)?

